



Terbit pada Sabtu  
minggu pertama setiap bulan

# Berita Sawit

MPOB Menjana Perubahan Industri Sawit

**BH**  
Berita Harian

# Ekspor produk sawit naik 1.2 peratus

» Nilai eksport susut akibat kejatuhan harga komoditi

Oleh Che Johari Mamat  
mjohari@mpob.gov.my

► KUALA LUMPUR

Jumlah eksport produk sawit Malaysia tahun 2012 meningkat sebanyak 289,948 tan atau 1.2 peratus kepada 24.56 juta tan berbanding 24.27 juta tan pada tahun 2011.

Bagaimanapun, prestasi harga minyak sawit yang merosot pada 2012 menyebabkan nilai pendapatan eksport produk sawit mencatat penurunan sebanyak 11.2 peratus kepada RM71.39 bilion berbanding RM80.41 bilion yang dicatatkan pada tahun 2011.

Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Tan Sri Bernard Dompok, berkata demikian ketika berucap merasmikan 'Palm Oil Economic Review and Outlook Seminar 2013' anjuran MPOB, di sini, baru ini.

"Tahun 2012, purata harga minyak sawit adalah RM2,764 satu tan, merosot sebanyak RM455 atau 14.1 peratus berbanding RM3,219 satu tan pada tahun 2011.

"Harga minyak sawit proses juga mencatat penurunan, termasuk RBD Palm Oil merosot sebanyak RM455.50 atau 13.3 peratus kepada RM2,970.50, RBD Palm Olein merosot RM564.50 atau 16.1 peratus kepada RM2,943 satu tan dan RBD Palm Stearin



Tan Sri Bernard Dompok bersama Tan Sri Shahrir, Datuk Patinggi Tan Sri Alfred Jabu dan Datuk Dr Choo Yuen May mendengar maklumat pegawai MPOB mengenai portal OER, iaitu sistem bagi memudahkan industri mendapat maklumat OER sewaktu lawatan gerai pameran sempena 'Palm Oil Economic Review and Outlook Seminar 2013'.

menurun 10.2 peratus kepada RM2,786," katanya.

### Stok minyak sawit meningkat

Tan Sri Bernard Dompok berkata, paras stok minyak sawit pada 31 Disember 2012 pula meningkat 2.4 peratus kepada 2.63 juta berbanding stok pada November. Paras stok itu adalah yang paling tinggi dalam sejarah.

"Bagi menangani masalah ini, Kerajaan merancang melaksanakan Program B10, iaitu campuran 10 peratus minyak sawit olein dengan diesel untuk sektor yang tidak bersubsidi.

"Kerajaan berharap program ini akan dapat dilaksanakan sepenuhnya pada akhir tahun ini dan diharap dapat meningkatkan penggunaan minyak sawit mentah sebanyak 300,000 tan setahun.

"Kerajaan membelanjakan lebih RM30 juta untuk membina kemudahan bagi pelaksanaan Program B10 dan kebanyakan akan siap pada akhir tahun ini.

"Kami berharap program ini serta beberapa lagi langkah untuk menstabilkan harga minyak sawit mentah mampu menurunkan stoknya di bawah tahap 2 juta

tan yang dianggap tahap selesa," katanya.

### Cukai eksport kekal

Tan Sri Bernard Dompok berkata, kadar cukai eksport minyak sawit mentah dijangka dikekalkan pada kadar sifar pada Februari sebagai sebahagian usaha menggalakkan eksport dan mengurangkan stok simpanan.

Katanya, Kerajaan akan mengekalkan kadar cukai sifar itu ekoran harga minyak sawit mentah masih kekal di bawah RM2,250 satu tan

"Kerajaan, pada Oktober ta-

hun lalu mengumumkan mulai 1 Januari 2013, kadar cukai eksport minyak sawit mentah adalah antara 4.5 peratus hingga 8.5 peratus bergantung kepada harga semasa komoditi itu dan cukainya akan ditetapkan pada kadar sifar jika harga minyak sawit mentah di bawah RM2,250 satu tan," katanya.

Sementara itu, Ketua Pengarah MPOB, Datuk Dr Choo Yuen May, menyatakan keyakinan bahawa harga minyak sawit dijangka mengukuh pada tahun 2013 berikutan peningkatan permintaan dari negara pengimport kesan diskaun harga minyak sawit berbanding minyak pesaing utama.

### Hasil meningkat

MPOB mengunjurkan peningkatan hasil buah tandan segar dan peningkatan kawasan tanaman sawit matang akan meningkatkan pengeluaran minyak sawit mentah kepada 18.9 juta tan pada tahun ini berbanding 18.79 juta tan pada tahun 2011, katanya semasa pembentangan kertas kerja mengenai prestasi industri sawit 2012 dan prospek pada tahun 2013.

Pelaksanaan struktur cukai baru yang lebih kompetitif akan meningkatkan daya saing industri khususnya dalam sektor hiliran, katanya.

Seramai 250 peserta menyertai seminar itu.

Turut hadir, Timbalan Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Dato' Hamzah Zainudin; Timbalan Ketua Menteri Sarawak, Datuk Patinggi Tan Sri Dr Alfred Jabu; Pengerusi MPOB, Tan Sri Shahrir Abdul Samad dan Ketua Setiausaha MPIC, Datin Paduka Nurmala Abdul Rahim.

# MPOB tubuh talian hotline aduan di empat daerah

Oleh Che Johari Mamat  
mjohari@mpob.gov.my

**SANDAKAN:** Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Tan Sri Bernard Dompok berkata, Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi (MPIC) melalui MPOB menubuhkan talian Hotline di empat daerah di Sabah bagi membolehkan penanam sa-

wit membuat aduan sekiranya terdapat pengilang sawit tidak membeli buah tandan segar (BTS) sejak 1 Januari 2013 lalu.

Talian itu diwujudkan di:  
Kota Kinabalu - 088 493700  
Lahad Datu - 089 867545  
Tawau - 089 7776110  
Sandakan - 089 2242480



Tan Sri Bernard Dompok **mempengerusikan dialog bersama industri Sabah berkaitan penjualan buah sawit.** Turut kelihatan Ketua Pengarah MPOB, Datuk Dr Choo Yuen May (kanan), Setiausaha Bahagian Industri Sawit dan Sagu, Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi (MPIC), Aklan Ehtook (kiri).

2012 adalah tahun yang penuh dengan cabaran bagi industri sawit Malaysia. Pengeluaran minyak sawit mentah (CPO) menurun 0.7 peratus kepada 18.78 juta, berbanding 18.91 juta tan diperoleh pada tahun 2011. Selepas mengalami pengeluaran buah sawit yang memuncak pada tahun 2011, hasil buah sawit menunjukkan aliran penurunan pada setengah tahun pertama 2012.

Penurunan pengeluaran buah sawit pada tahun 2012 berpunca dari tekanan pengeluaran yang dihadapi pokok sawit dan faktor ini menyumbang kepada penyusutan pengeluaran CPO. Bekalan minyak sawit tempatan yang rendah pada setengah tahun pertama 2012 mendorong sektor pemprosesan untuk mengimport minyak sawit bagi menampung permintaan eksportnya.

Harga CPO pada setengah tahun pertama 2012 berada di tahap melebihi RM3,000 satu tan dengan harga purata bulanan tertinggi direkodkan pada bulan April pada RM3,480.50 satu tan.

Bagaimanapun, harga CPO menunjukkan arah aliran penurunan pada setengah tahun kedua 2012. Ini berikutan stok minyak sawit negara yang semakin meningkat disebabkan pengeluaran CPO yang mulai meningkat pada bulan Julai. Penurunan harga CPO ini seiring harga minyak saingan seperti minyak soya dan sesawi yang menunjukkan aliran penurunan disebabkan krisis kewangan Euro-Zon dan juga keadaan ekonomi dunia yang lembap.

Harga purata CPO terendah dicatatkan pada bulan Disember 2012 iaitu RM2,052 satu tan. Bagaimanapun, purata harga CPO bagi tahun 2012 adalah masih tinggi iaitu RM2,764 satu tan.

Stok minyak sawit pada akhir bulan Disember 2012 mencecah 2.63 juta tan. Stok akhir bulan Disember 2011 yang tinggi iaitu pada paras 2.06 juta tan menyumbang kepada stok awal tahun 2012 yang tinggi.

Di samping itu juga, peningkatan import minyak sawit sebanyak 6.5 peratus kepada 1.39 juta tan dan pengurangan eksport minyak sawit sebanyak 2.4 peratus kepada 17.56 juta tan juga menyumbang kepada paras stok yang tinggi pada tahun 2012.

Bagi mengatasi keadaan stok yang tinggi, Kerajaan mengambil beberapa langkah proaktif pada tahun 2013 bagi menangani masalah ini. Antaranya, memperuntukkan RM100 juta untuk program penanaman semula pokok sawit tua dan mempercepatkan program biodiesel ke seluruh Semenanjung Malaysia.

Langkah ini dijangka dapat mengurangkan stok seterusnya menstabilkan harga minyak sawit pada tahun 2013.

Pada tahun 2012, sungguhpun eksport minyak sawit menurun 2.4 peratus tetapi jumlah eksport produk sawit meningkat 1.2 peratus kepada 24.56 juta tan dengan produk oleokimia dan dedak isirung sawit mencatatkan peningkatan masing-masing sebanyak 19.2 peratus dan 10.4 peratus kepada 2.6 juta tan dan 2.46 juta tan.

Pendapatan eksport dari produk sawit pula berkurangan sebanyak 11.2 peratus kepada RM71.4 bilion berbanding RM80.4 bilion yang diperoleh pada tahun 2011 berikutan harga minyak sawit yang lebih rendah pada tahun 2012.

Harga minyak sawit yang lebih rendah berbanding minyak saingan lain seperti minyak soya dan minyak sesawi mendorong beberapa negara pengimport utama (seperti India dan Kesatuan Eropah) meningkatkan pengimportan minyak sawit Malaysia.

Republik Rakyat China, India, Kesatuan Eropah, Pakistan dan Amerika Syarikat kekal sebagai pengimport utama minyak sawit Malaysia pada tahun 2012.

Kerajaan Malaysia juga menstruktur semula cukai eksport CPO mulai Januari 2013. Kadar cukai eksport yang sebelum ini sekitar 23 peratus diturunkan kepada 4.5 peratus hingga 8.5 peratus bergantung kepada harga CPO yang diwartakan Jabatan Kastam Di Raja Malaysia.

Adalah diharapkan usaha murni Kerajaan ini dapat membantu industri sawit Malaysia terus bersaing di pasaran antarabangsa.



**MINDA**  
Datuk Dr Choo  
Yuen May

Ketua Pengarah  
MPOB

# Penjenamaan minyak sawit Malaysia untuk terokai pasaran

Oleh Noor Asmawati  
Abdul Samad  
watie@mprob.gov.my

Putrajaya

Malaysia merancang menjenamakan minyak sawit dengan prospek bagi mewujudkan sistem pensijilan tersendiri.

Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Tan Sri Bernard Dompok, berkata proses penjenamaan itu adalah usaha bagi membezakan minyak sawit keluaran negara dengan sumber lain berikutan komoditi berkenaan telah melalui kawalan kualiti dan penguatkuasaan yang ketat.

Beliau berkata demikian ketika berucap merasmikan bengkel 'Penjenamaan Minyak Sawit Malaysia' anjuran Kementerianya dengan kerjasama Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) dan Majlis Minyak Sawit Malaysia (MPOC), di sini, baru-baru ini.

## Dapat maklum balas

Menurutnya, bengkel berkenaan bertujuan mendapatkan maklum balas melalui sumbang saran oleh pihak yang terbabit dengan industri sawit ke arah penjenamaan minyak sawit Malaysia.

"Bengkel ini adalah sejajar persaingan yang wujud daripada negara pengeluar minyak sawit lain serta perkembangan permintaan global ke atas minyak sawit melalui amalan pensijilan mampan.



Tan Sri Bernard Dompok

"Minyak sawit Malaysia diterima umum kerana berkualiti tinggi hasil dari sistem kawalan kualiti dan penguatkuasaan yang ketat di sepanjang rantaian pengeluarannya," katanya.

Katanya, sebagai pengeluar minyak sawit mampan yang melaksanakan amalan pertanian baik dan mematuhi peraturan alam sekitar, Malaysia harus memperlihatkan perbezaan komoditi berkenaan melalui proses penjenamaan secara aktif.

## Pembangunan penjenamaan

"Kementerian saya akan terus meneroka dan melaksanakan amalan tambahan bagi mengukuhkan sumber utama ekonomi negara itu. Bengkel ini adalah antara langkah pertama ke arah pembangunan penjenamaan minyak sawit yang menepati standard ditetapkan serta mematuhi undang-undang dan peraturan Malaysia," katanya.

Menurutnya, Malaysia akan terus berperanan menyediakan sumber makanan utama dengan mem-

bekalkan minyak sawit yang mampu dinikmati penduduk dunia.

"Ini sejajar kedudukan Malaysia selaku pengeluar utama minyak sawit bersama negara Indonesia, yang mengeluarkan 85 peratus bekalan minyak sawit kepada dunia.

"Pada 2012, sejumlah 18.78 juta tan minyak sawit mentah dikeluarkan negara dengan 85 peratus daripadanya dieksport yang merangkumi 28.1 peratus pasaran eksport minyak dan lelemak global," katanya.

Katanya, walaupun minyak sawit adalah sumber yang mampan dan bahan mentah bagi industri makanan, oleokimia dan bahan api bio, kritikan secara berterusan daripada badan bukan kerajaan (NGO) alam sekitar terhadap aktiviti pemusnahan alam sekitar akibat penanaman sawit terus wujud.

"Dalam konteks ini, saya ingin tegaskan bahawa industri sawit Malaysia adalah sektor yang diurus dengan baik berbanding mana-mana sistem pertanian lain di dunia.

"Pelaburan bagi aktiviti penyelidikan dan pembangunan ke arah meningkatkan produktiviti sentiasa diteruskan," katanya.

Antara cadangan bengkel termasuk keperluan untuk membezakan minyak sawit Malaysia daripada minyak sawit yang dihasilkan oleh negara lain, penggunaan nama Malaysia dalam penjenamaan minyak sawit negara, memperkenalkan proses pensijilan dan menerima pakai tiga nilai sosial dalam pensijilan minyak sawit iaitu keselamatan, alam sekitar dan amalan mampan.

## Permintaan lembap punca harga jatuh

Dari muka 1

Beliau berkata demikian pada sesi dialog dengan industri sawit Sabah bagi mendapat maklum balas mengenai isu kilang sawit yang tidak membeli buah sawit daripada penanam sawit, di sini, baru-baru ini.

Sesi dialog itu dihadiri 92 peserta terdiri daripada pengilang, penapis, peladang dan persatuan yang terbabit dengan industri sawit. Ia adalah sesi kali ke-2 selepas sesi dialog pertama yang berlangsung di Kota Kinabalu pada Disember tahun lalu.

Pada dialog itu, Tan Sri Bernard Dompok, menjelaskan bahawa penurunan harga minyak sawit mentah (MSM) adalah berpunca dari permintaan yang lembap di pasaran eksport utama seperti China, Kesatuan Eropah, India dan Amerika Syarikat.

"Ini adalah susulan pertumbuhan ekonomi yang menurun di negara-negara berkenaan akibat krisis kewangan yang secara langsung menjejaskan permintaan MSM.

"Bagi memperkukuhkan harga MSM, Kerajaan melaksanakan mekanisme supply management termasuk mensasarkan penebangan 100,000 hektar pokok sawit yang berumur melebihi 25 tahun melalui Skim Insentif Tanam Semula Sawit 2013 (SITS 2013) yang dilancarkan pada 1 Januari 2013 lalu.

"SITS 2013 menyediakan insentif sebanyak RM1,000 sehektar untuk penanaman semula sawit dengan bahan tanaman berkualiti bagi meningkatkan produktiviti dalam jangka masa panjang," panjang.

Beliau juga berkata, bagi meningkatkan daya saing MSM di pasaran global, Kerajaan mengurangkan duti eksport MSM di antara 4.5 hingga

8.5 peratus dan menggantung pemberian kuota MSM tanpa duti mulai 1 Januari lalu.

Selain itu, bagi mengurangkan stok domestik MSM, Kerajaan juga bersetuju mempercepatkan pelaksanaan Program B5 (adunan 5 peratus ester metil sawit dengan diesel) dan menggalakkan penggunaan biobahan api berasaskan sawit sehingga 10 peratus di lain-lain sektor.

"MPIC dan MPOB akan terus memantau kedudukan harga dan juga amalan pembelian BTS di samping mempertimbangkan lain-lain pendekatan untuk memperkukuhkan lagi harga MSM bagi memastikan pendapatan pengusaha tanaman sawit tidak terjejas," katanya.

Turut hadir, Setiausaha Bahagian Industri Sawit dan Sagu MPIC, Aknan Ehtook dan Ketua Pengarah MPOB, Datuk Dr Choo Yuen May.

# MPOB lancar sistem e-Labour, portal OER

» Kaedah untuk pantau keperluan guna tenaga perladangan sawit

Oleh Noor Asmawati Abdul Samad  
watie@mpob.gov.my

Kuala Lumpur

Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) melancarkan sistem e-Labour bagi memantau keperluan guna tenaga terutama dalam sektor perladangan sawit. Sistem e-Labour berfungsi di dalam sistem e-submission MPOB sedia ada.

Sistem e-Labour dilancarkan Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Tan Sri Bernard Dompok sempena 'Palm Oil Economic Review and Outlook Seminar 2013', di sini, baru-baru ini.

### Kumpul maklumat

e-Labour dibangunkan bertujuan mengumpul maklumat berkenaan jumlah dan kekurangan buruh di sektor ladang sawit pada setiap bulan yang seterusnya akan membantu Kerajaan dalam menggubal dan melaksanakan polisi mengenai guna tenaga di sektor perladangan sawit bagi memastikan industri sawit kekal berdaya saing.

e-Labour terbahagi dua bahagian iaitu yang memantau bilangan buruh tempatan dan asing serta kekurangan di sektor perladangan sawit mengikut aktiviti, manakala bahagian kedua



Tan Sri Bernard Dompok melancarkan e-labour sempena perasmian Seminar Palm Oil Economic Review and Outlook 2013. Turut kelihatan dari kanan Datuk Patinggi Tan Sri Alfred Jabu, Datin Paduka Nurmalia Abd Rahim, Dato' Hamzah Zainudin dan Datuk Dr Choo Yuen May.

adalah maklumat mengenai butiran mekanisasi di ladang sawit yang merangkumi bilangan mesin yang digunakan dan tenaga kerja yang terbabit.

Pemegang lesen estet sawit MPOB perlu melayari <http://e-sub.mpob.com.my> dan mema-

sukkan ID (no lesen estet sawit) serta kata laluan pada 1 hingga 7 haribulan setiap bulan untuk mengemaskini maklumat melalui e-Labour.

### Portal OER

Pada majlis sama, Tan Sri Ber-

nard Dompok turut melancarkan portal prestasi Kadar Perahan Minyak (OER) MPOB yang merupakan pusat sumber maklumat bagi prestasi OER Negara.

Portal ini memberi maklumat tepat, terperinci dan telus mengenai prestasi OER setiap bulan

mengikut wilayah, negeri dan daerah.

Maklumat akan membantu pihak industri sawit membuat keputusan bagi perancangan aktiviti industri serta Kerajaan bagi menggubal polisi yang berkaitan.

# Keluaran Berita Sawit masuk tahun ke-11

Oleh Noor Asmawati Abdul Samad  
watie@mpob.gov.my

**Kuala Lumpur:** Berita Sawit, akhbar sisipan Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) yang dikeluarkan bersama akhbar *Berita Harian* menemui pembaca buat tahun ke-11 dengan menampilkan liputan berita industri sawit yang terkini.

Acara menandatangani kontrak penyambungan penerbitan *Berita Sawit* bagi tahun yang ke-11 diadakan di sini, baru-baru ini, disaksikan Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Tan Sri Bernard Dompok.

Pada acara berkenaan, MPOB

diwakili Ketua Pengarah, Datuk Dr Choo Yuen May, manakala *Berita Harian* diwakili Pengarang Kumpulan, Datuk Mior Kamarul Shahid.

### Wadah utama MPOB

Sejak diperkenalkan 11 tahun lalu, *Berita Sawit* menjadi wadah utama MPOB untuk melaporkan perkembangan industri sawit dan sektor perladangan komoditi utama negara.

Sebagai saluran utama maklumat sawit kepada pembaca akhbar, *Berita Sawit* melalui perubahan khusus sejajar perkembangan dinamik industri sawit negara.

*Berita Sawit* diterbitkan setiap hari Sabtu minggu pertama pada setiap bulan.



Tan Sri Bernard Dompok bersama Timbalannya, Dato' Hamzah Zainudin (dua dari kiri), Ketua Setiausaha, Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Datin Paduka Nurmalia Abd Rahim (kiri) dan Timbalan Ketua Menteri Sarawak, Datuk Patinggi Tan Sri Alfred Jabu (kanan) menyaksikan upacara menandatangani Perjanjian Penyambungan Kontrak Penerbitan Berita Sawit 2012/2013 bersama akhbar *Berita Harian* antara Ketua Pengarah MPOB, Datuk Dr Choo Yuen May dan Pengarang Kumpulan *Berita Harian* Sdn Bhd, Kumpulan NSTP (M) Berhad, Datuk Mior Kamarul Shahid.

# Permohonan bantuan SITS 2013 mulai dibuka

» Pemohon layak dapat RM1,000 setiap hektar tanaman

Oleh Che Johari Mamat  
mjohari@mpob.gov.my

**B**ANGI: Permohonan bantuan Skim Insentif Tanam Semula Sawit 2013 (SITS 2013) mula dibuka kepada penanam sawit bertujuan mengga-

lakkan penebangan pokok sawit tua dan menanam semula dengan anak benih yang berkualiti.

Melalui skim ini, pemohon yang layak akan diberi bantuan RM1,000 bagi setiap hektar tanaman sawit yang ditebang untuk ditanam semula dengan had maksimum kelayakan 202.35 hektar.

Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Tan Sri Bernard Dompok, berkata demikian sewaktu berucap merasmikan "Palm Oil Economic Review and Outlook Seminar 2013" anjuran

MPOB baru baru ini.

Beliau berkata, Kerajaan memperuntukkan bajet sejumlah RM100 juta untuk membiayai skim ini yang akan dilaksanakan melalui Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) mulai 1 Januari 2013 sehingga 31 Disember 2013.

"Permohonan sudah dibuka pada masa kini berdasarkan kepada *first come first serve basis* sehingga peruntukan bajet habis dibelanjakan.

"Skim ini mensasarkan 100,000 hektar tanaman sawit tua akan ditebang dan dijangka berupaya mengurangkan pengeluaran mi-

nyak sawit mentah 350,000 tan setahun dan menstabilkan paras stok minyak sawit negara," katanya.

Tan Sri Bernard Dompok berkata, bantuan SITS 2013 akan disalurkan kepada pemohon yang layak dan memenuhi syarat ditetapkan iaitu mempunyai keluasan kebun melebihi 40.47 hektar.

## Langkah strategik kerajaan

"Selain itu, pekebun kecil di bawah seliaan FELDA dan pe-

"Permohonan sudah dibuka pada masa kini berdasarkan kepada *'first come first serve basis'* sehingga peruntukan bajet habis dibelanjakan"

**Tan Sri Bernard Dompok,**  
Menteri Perusahaan  
Perladangan dan Komoditi

kebun kecil sawit berkeluasan kurang 40.47 hektar berstatus syarikat juga turut layak memohon skim bantuan ini," katanya.

Katanya, skim ini juga adalah langkah strategik kerajaan untuk mengukuhkan daya saing industri dan harga minyak sawit di pasaran global.

Tahun 2012, harga purata minyak sawit mentah adalah RM2,764 satu tan, merosot RM455 berbanding RM3,219 yang dicatat pada tahun 2011.

"Melalui penanaman semula dan pengurangan pengeluaran serta paras stok minyak sawit dijangka akan berupaya menstabilkan harga komoditi itu yang menjadi punca pendapatan utama kepada penanam dan pekebun kecil sawit negara," katanya.

Penanam sawit yang berminat untuk memohon SITS 2013 ini bolehlah menghubungi Pejabat MPOB yang terdekat atau melayari laman web MPOB (<http://mpob.gov.my>).



Pengumuman



M P O B

## SKIM INSENTIF TANAM SEMULA SAWIT 2013 (SITS 2013)

### OBJEKTIF

- Bagi menggalakkan penebangan pokok sawit tua dan menanam semula dengan anak benih yang berkualiti. Walau bagaimanapun, insentif ini hanya untuk membiayai sebahagian kos penebangan.

### SYARAT-SYARAT KELAYAKAN

- Warganegara Malaysia atau syarikat berdaftar di Malaysia.
- Pemohon adalah terdiri daripada:
  - Pemilik ladang sawit yang mempunyai keluasan melebihi 40.47 hektar;
  - Pekebun kecil di bawah seliaan FELDA ; atau
  - Pemilik kawasan tanaman sawit yang kurang dari 40.47 hektar dan berstatus syarikat.
- Memiliki lesen Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) yang masih sah laku pada tarikh permohonan.
- Permohonan dibuka mulai **1 Januari 2013**, berdasarkan kepada *first come first serve basis* (berdasarkan tarikh selesai penebangan kesemua keluasan yang dipohon) sehingga peruntukan habis dibelanjakan. Kawasan hendaklah ditebang antara **1 Januari 2013 hingga 31 Disember 2013**.
- **Had maksimum** insentif adalah sehingga **202.35 hektar** bagi setiap pemohon/ pemegang lesen MPOB dengan had kadar insentif sebanyak **RM1,000 sehektar**.
- Pokok sawit berumur 25 tahun dan ke atas.
- Hanya pemohon yang mengamalkan kaedah menebang, meracik dan menyusun pokok sawit tua layak untuk menerima insentif ini.
- Bayaran akan dibuat mengikut keluasan bertanam yang ditebang serta disahkan oleh MPOB.
- Jika terdapat sebarang penipuan atau pelanggaran syarat-syarat yang tersenarai di atas, kelayakan akan terbatal secara serta merta dan MPOB berhak menarik balik dan menuntut wang insentif yang dibayar.

LEMBAGA MINYAK SAWIT MALAYSIA (MPOB)

Raharjuzul Falsafah dan Perancangan dan Kemajuan Malaysia

1, Persiaran Trafalgar, Bandar Baru Bangi, 43000 Kajang, Selangor, Malaysia. Tel: 03-8793 8000/Fax: 03-8793 8444

Website: <http://www.mpob.gov.my>

## 3,000 tumbuhan bermanfaat ditanam kawal serangan ulat

**Yong Peng:** Sebahagian daripada 3,000 tumbuhan bermanfaat *Tunerasubulata* dan *Cassia cobanensis* ditanam secara gotong-royong di kebun milik pekebun kecil sekitar mukim Chaah Bahru, di sini, baru-baru ini.

Aktiviti anjuran MPOB yang diadakan di Kampung Ngamarto itu turut dihadiri Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Yong Peng, Lim Kee Moi serta ahli lembaga Koperasi Penanam Sawit Mampan Yong Peng Utara Berhad.

Sebanyak 500 pokok tumbuhan bermanfaat *Tunerasubulata* dan *Cassia cobanensis* ditanam pada program berkenaan.

Kee Moi ketika berucap menyempurnakan program berkenaan berkata, pada peringkat pertama ini sebanyak 3,000 pokok akan ditanam di kebun milik pekebun kecil dan baki sebanyak 20,000 pokok lagi akan ditanam di kawasan serangan ulat bungkus di Mukim Chaah Bahru, Tanjung Sembong dan Mukim Chaah pada peringkat seterusnya.

"Saya berharap pekebun kecil berganding bahu melaksana kawalan serangan ulat bungkus ke atas tanaman sawit kerana masalah ini tidak dapat diselesaikan sekiranya hanya segelintir pekebun kecil saja yang mengambil bahagian," katanya.

## Tingkat populasi parasitoid

Menurutnya lagi, penanaman

tumbuhan bermanfaat perlu dilaksanakan dan dikekalkan di ladang bagi tujuan meningkatkan populasi parasitoid dan pemangsa ulat bungkus.

"Program seperti ini secara tidak langsung memberi pendedahan kepada pekebun kecil kepentingan mengamalkan sistem Kawalan Perosak Bersepadu (IPM) di ladang dan juga dapat menyuntik semangat mereka untuk berusaha meningkatkan hasil sawit negara dengan mengamalkan amalan pertanian baik," katanya.

Pekebun kecil diberi pendedahan mengenai kawalan perosak bersepadu bagi memberi kesedaran terhadap kepentingan menanam tumbuhan bermanfaat di ladang.

Penanaman dilakukan bertujuan mengawal serangan ulat bungkus yang semakin serius akibat kurangnya kesedaran pekebun kecil mengenai kawalan diperlukan.

Penanaman tumbuhan bermanfaat adalah kaedah kawalan perosak secara biologi bagi meningkatkan populasi parasitoid dan pemangsa yang boleh membiak dan memakan ulat bungkus.

Parasitoid dan pemangsa ini boleh hidup lama dengan memakan madu tanaman berbunga seperti *Tunerasubulata*, *Cassiacobanensis*, *Antigononleptopus* dan *Euphorbia heterophylla*.

# e-labour cara mudah pantau tenaga kerja

» Kaedah pemantauan atas talian kumpul maklumat mekanisasi, produktiviti buruh

Oleh Azman Ismail  
azman@mpob.gov.my

Sektor perladangan sawit menjanjikan pulangan yang lebih lumayan berbanding komoditi lain memandangkan harga komoditi sawit lebih stabil.

Ini menggalakkan pengusaha baru menceburi sektor perladangan sawit dan juga menyebabkan pengusaha komoditi lain bertukar kepada sawit.

Senario ini menyebabkan sektor perladangan sawit berkem-

bang dengan pesat. Keluasan tanaman sawit yang hanya berjumlah 1.02 juta hektar pada tahun 1980 kini meningkat kepada 5.08 juta hektar pada 2012.

Peningkatan keluasan tanaman menyebabkan permintaan guna tenaga di sektor perladangan sawit turut meningkat.

Peningkatan permintaan guna tenaga yang tidak dapat ditampung oleh peningkatan penawaran menyebabkan berlaku kekurangan tenaga kerja di sektor perladangan sawit.

## Kekurangan tenaga kerja

Walaupun kerajaan membenarkan pengambilan tenaga kerja asing, pembabitan tenaga kerja tempatan yang semakin berkurang disebabkan persepsi 3D iaitu dangerous, difficult dan dirty (bahaya, sukar dan kotor) menyebabkan sektor perladangan sawit terus dilanda masalah kekurangan tenaga kerja yang berpanjangan.

Menyedari kepentingan industri sawit negara sebagai satu pe-



e-labour membantu Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi merangka strategi dan menggubal polisi mengenai guna tenaga di sektor perladangan sawit.

nyumbang utama kepada Pendapatan Kasar Negara, pemantauan yang cepat, jitu dan berkesan terutamanya mengenai guna tenaga di sektor perladangan sawit amatlah diperlukan.

Memandangkan wujud beberapa kelemahan melalui pemantauan secara manual, di samping peningkatan bilangan estet yang semakin ketara (sehingga mencecah 4,500) pemantauan secara elektronik adalah lebih sesuai kerana ia lebih praktikal, cepat dan efisien.

## Pemantauan atas talian

Pada Mei 2011 MPOB memperkenalkan kaedah pemantauan

guna tenaga secara atas talian yang dikenali sebagai e-labour.

e-labour bertujuan mengumpulkan maklumat mengenai jumlah guna tenaga (tempatan dan asing) dan kekurangan tenaga kerja di sektor perladangan sawit mengikut kategori kerja yang meliputi mandur, penuai dan pemungut buah tandan segar dan pekerja ladang yang melakukan kerja-kerja meracun, membaja dan memangkas pelepah sawit.

Selain itu, e-labour juga mengumpulkan maklumat mengenai mekanisasi dan produktiviti buruh mengikut kategori kerja.

e-labour hanya membabitkan sektor perladangan sawit. Untuk

itu, pemilik ladang sawit perlu melaporkan maklumat yang diperlukan setiap bulan iaitu pada 1 hingga 7 dengan melayari laman sesawang <http://e-sub.mpob.gov.my>.

## Berdaya saing

Maklumat yang diperoleh melalui e-labour banyak membantu pihak Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi dalam merangka strategi dan menggubal polisi mengenai guna tenaga di sektor perladangan sawit bagi memastikan industri sawit negara terutamanya sektor perladangan sawit terus berkembang dan berdaya saing.

# Kerajaan latih pekerja tempatan sektor perladangan

## INFO

### Perbandingan pekerja tempatan dan asing di sektor perladangan sawit

KATEGORI KERJA	TEMPATAN	ASING	JUMLAH	PERATUS ASING
Mandur Penuaian	6,619	4,518	11,137	40.57
Mandur Am	4,512	6,467	10,979	58.90
Penuai & Pemungut BTS	11,199	145,272	156,471	92.84
Pekerja Ladang	26,561	111,218	137,779	80.72
Pekerja Am	18,129	38,838	56,967	68.18
Jumlah Pekerja Di Ladang	67,020	306,313	373,333	82.05
Eksekutif	8,325	144	8,469	1.70
Staf	21,248	1,117	22,365	4.99
Jumlah Pekerja Di Pejabat	29,573	1,261	30,834	4.09
<b>Jumlah</b>	<b>96,593</b>	<b>307,574</b>	<b>404,167</b>	<b>76.10</b>

Oleh Azman Ismail  
azman@mpob.gov.my

Industri sawit terutama sektor perladangan memainkan peranan penting kepada pertumbuhan sektor pertanian negara. Sektor berkenaan yang berintensif-

Mengikut pemantauan MPOB secara bulanan yang meliputi bilangan estet sebanyak 4,100 (92 peratus daripada jumlah estet iaitu 4,513) dan keluasan tanaman 4.13 juta hektar (95 peratus daripada jumlah keluasan tanaman sawit bagi sektor perladangan) mendapati pada bulan September 2012, terdapat 404,167 guna tenaga di sektor perladangan sawit.

Daripada jumlah itu, 307,574 orang atau 76 peratus adalah tenaga kerja asing. Kebanyakannya bekerja sebagai penuai, pemungut buah tandan segar (BTS) dan pekerja ladang yang membabitkan kerja meracun, membaja dan memangkas pelepah sawit.

Jumlah pekerja yang terbabit bagi kerja berkenaan adalah berjumlah 294,250 atau 73 peratus daripada jumlah pekerja di sektor perladangan sawit. Daripada jumlah itu, 256,490 atau 87 peratus daripadanya adalah pekerja asing. Kebanyakan mereka berasal dari Indonesia.

## 76 peratus pekerja asing

Secara keseluruhannya, 307,574 atau 76 peratus daripada jumlah pekerja di sektor perladangan sa-

wit adalah pekerja asing yang bekerja di ladang iaitu sama ada sebagai mandur, penuai, mandur am, penuai BTS, pemungut BTS, memangkas pelepah, pembaja, peracun, pemandu kenderaan di ladang atau pegawai keselamatan.

## Monopoli kerjaya mandur

Kerjaya sebagai mandur sama ada mandur am atau penuai yang dulunya dikuasai pekerja tempatan kini mula dimonopoli pekerja asing. Nisbah terkini bagi mandur tempatan dan asing ialah 1:1 iaitu seorang mandur pekerja asing bagi seorang mandur pekerja tempatan.

Jika dilihat statistik terkini, pekerja tempatan lebih tertumpu kepada kerja pengurusan dan pentadbiran iaitu sebagai pengurus ladang, penolong pengurus ladang, penyelia, kerani dan pekerja pejabat yang berjumlah seramai 29,573 orang atau 96 peratus daripada jumlah pekerja untuk kategori berkenaan.

Apa yang membimbangkan ialah terdapat kecenderungan pengusaha ladang menggaji pekerja asing untuk melakukan kerja pengurusan dan pentadbiran teru-

tama sebagai penyelia dan kerani akibat daripada keengganan pekerja tempatan untuk mengisi kekosongan bagi kerja berkenaan.

Pada ketika ini terdapat 8,469 atau 1.7 peratus daripada jumlah eksekutif adalah pekerja asing manakala untuk kerja-kerja perkeranian peratusan pekerja asing ialah sebanyak 5 peratus.

Pelbagai usaha dilakukan Kerajaan untuk menarik minat pekerja tempatan menceburi bidang perladangan. Lembaga Minyak Sawit Malaysia sebagai sebuah agensi yang bertanggungjawab dalam melakukan penyelidikan dan pembangunan industri sawit menubuhkan Pusat Latihan Sawit Malaysia (PLASMA) untuk melatih belia tempatan terutama lepasan sekolah mengenai kerja yang berkaitan dengan perladangan sawit.

Adalah diharapkan agar belia yang tidak mempunyai pekerjaan supaya mendaftar dengan PLASMA bagi memperoleh kemahiran terutama untuk pengendalian jentera di ladang. Apa yang pasti peluang pekerjaan menanti mereka apabila mereka tamat daripada mengikuti pengajian di PLASMA.

# Pemenang Anugerah Industri Sawit Malaysia 2011/12

Oleh Noor Asmawati Abdul Samad watie@mpob.gov.my

## KILANG SAWIT JENGA 21

### Pencapaian OER Tertinggi Bagi Bekalan BTS Sendiri Di Semenanjung

Kilang Sawit Jengka 21 adalah satu daripada 71 kilang sawit milik FelDa Palm Industries Sdn Bhd. Ia terletak di kawasan Rancangan FelDa Jengka 21, kira-kira 15 kilometer (km) dari Bandar Pusat Jengka dan kira-kira 50 km dari Bandar Temerloh.

Kilang Sawit Jengka 21 mula beroperasi pada bulan Ogos 2008 di tapak seluas 5 hektar dengan kapasiti reka bentuk 60 metrik tan sejam menggunakan teknologi Continuous Sterilization.

Dengan reka bentuk terkini dan pencapaian operasi yang baik serta landskap yang menarik, Kilang Sawit Jengka 21 sering menjadi tumpuan pelawat dari dalam dan luar negara yang berminat dengan industri sawit.



## KILANG KELAPA TIAN SIANG OIL MILL (PAHANG) SDN. BHD

### Pencapaian OER Tertinggi Bagi Bekalan BTS Luar Di Semenanjung

Tian Siang Oil Mill (Pahang) Sdn Bhd terletak di Kampung Tersang, Batu Malim, iaitu 28 kilometer dari Bandar Raub, Pahang.

Kilang ini mula beroperasi pada Julai 2005 dengan kapasiti pemprosesan sebanyak 60 tan buah sawit sejam, atau 270,000 tan setahun.

Kilang ini mempunyai seorang Pengurus berpengalaman iaitu Tan Chong Ham dan dibantu seorang Penolong Pengurus, Rizalman Abul Rahim serta 85 pekerja termasuk 19 pekerja asing.

Tian Siang Oil Mill (Pahang) Sdn Bhd memproses buah tandan segar (BTS) 100 peratus bekalan luar dari klon yang berkualiti.

Buah tandan segar yang diproses dibekalkan ladang, peniaga buah sawit dan juga pekebun kecil berhampiran. Pengredan buah tandan sawit dilakukan sepenuhnya oleh tiga pengred dan dipantau oleh seorang pegawai NKEA MPOB sepenuh masa.

Kilang diketuai Pengurus, Mohd Noor Latif dan dibantu dua penolong pengurus bersama 80 petugas lain sentiasa komited menuju ke tahap yang terbaik dalam industri sawit Malaysia. Kilang Kelapa Sawit Jengka 21 bersama enam kilang lain di bawah seliaan FelDa Palm Industries Wilayah Jengka yang diketuai oleh Pengurus Besar Wilayah, Roseli Hasan.

Kilang ini mendapat sumber bekalan buah tandan segar (BTS) sendiri dari ladang milik FelDa yang berkeluasan 15,000 hektar.

Sepanjang tempoh operasi bermula Ogos 2008 sehingga kini, kilang ini berjaya meraih pelbagai anugerah, antaranya;

- OER Bulanan Tertinggi - 24.77 peratus (Disember 2011)
- OER Bulanan Tertinggi - 6.65 peratus (Januari 2010)
- OER Tahunan Tertinggi (FELDA) - 23.13 peratus (2009)
- OER Tahunan Tertinggi (FELDA) - 22.89 peratus (2010)
- OER Tahunan Tertinggi (FELDA) - 23.34 peratus (2011)
- OER Tahunan Tertinggi (FELDA) - 22.94 peratus (2012)
- Pemenang Anugerah Prestasi OER

Kilang Terbaik FELDA 2011  
• Pemenang Anugerah Industri Sawit Malaysia 2011/12 MPOB Kategori Kilang Sawit - Pencapaian OER Tertinggi (Bekalan BTS Sendiri) Semenanjung Malaysia

Kilang Sawit Jengka 21 ini adalah kilang yang mempunyai pencapaian OER tertinggi sebanyak 23.34 peratus di seluruh Malaysia pada tahun 2011.

Pencapaian cemerlang yang diraih Kilang Sawit Jengka 21 adalah hasil usaha sama semua pihak di samping penggunaan sistem dan teknologi terkini yang terdapat dalam industri sawit. Antara ciri-ciri terbaik yang terdapat di Kilang Sawit Jengka 21 adalah:

- Mempunyai barisan petugas yang berdedikasi, bekerjasama dan sangat komited serta sentiasa berusaha untuk mencapai yang terbaik bagi kilang Sawit Jengka 21.
- Mempunyai sumber bekalan BTS dalaman yang berkualiti hasil kerjasama yang amat baik di antara pembekal (peneroka) dengan pihak kilang melalui Jawatankuasa Persepakatan Bersama (JCC) yang ditubuhkan.
- Mengamalkan pengredan 100 peratus oleh MQI (Mill Quality Inspector) yang bertauliah oleh MPOB.

• Mengamalkan polisi BTS muda tidak dihantar pulang tetapi dilupuskan atau ditanam.

• Menggunakan teknologi baru Continuous Sterilizer dalam operasi pengkusan BTS yang dapat mengurangkan guna tenaga di kawasan penseterilan dan hasil pengkusan yang lebih baik berpandukan HB & USB yang dicapai.

• Mempunyai sistem de-oiling dan USB Recovery serta EFB Plant Oil Recovery bagi peningkatan OER

• Mengamalkan kebersihan dan tahap pengilangan yang baik (GMP-MPOB)

• Keseluruhan sistem pemprosesan pengilangan mengikut piawaian QMS MS ISO 9001:2000, EMS MS ISO 14001:2004, OHSAS 18001:1999 yang digabungkan menjadi sistem QOHSE.

• Melaksanakan audit pematuhan terakhir bagi pensijilan RSPO

• Sedang giat melakukan persediaan bagi pensijilan HALAL oleh pihak Jakim yang merupakan kilang kelapa sawit pertama di Malaysia

• Menyediakan kemudahan asas yang sempurna kepada semua petugas seperti rumah, air dan bekalan elektrik.



Dr Ismail A.R., Dr Lim WH dan Zulina Maurad (Panel Penilai MPOB: Kategori Oleokimia) bersama Pasukan Pengurusan IOI Oleochemical Industries Bhd.

## IOI OLEOCHEMICAL INDUSTRIES BHD

### Pemenang Anugerah Industri Sawit Malaysia (AISM) 2011/2012 (Kategori Kilang Oleokimia)

IOI Oleochemical Industries Bhd, adalah anak syarikat IOI Corporation Berhad (Kumpulan IOI), antara syarikat perladangan terbesar di Malaysia dan disenarai di Bursa Malaysia.

Perniagaan utama Kumpulan IOI meliputi perladangan minyak sawit berkonsep integrasi, iaitu merangkumi aktiviti penanaman pokok sawit (upstream) dan sumber aktiviti hiliran (downstream) berasaskan pengeluaran, seperti proses penapisan, pengeluaran oleokimia dan minyak serta lemak khusus (specialty).

Syarikat ini bermula pada 1980 dan merupakan pencetus kepada industri oleokimia berasaskan sawit di dunia.

Pada masa ini, IOI Oleochemical Industries Bhd adalah pengeluar terkemuka lemak asid berasaskan minyak sayuran. Kapasiti pengeluaran lemak asid dan 'soap noodles' adalah dianggarkan sebanyak 710,000 dan 200,000 metrik tan setahun.

Kilang pemprosesan dan pengeluaran terletak di lokasi strategik dan berdekatan pelabuhan utama, iaitu di kawasan perindustrian Prai, Pulau Pinang dan Pasir Gudang, Johor.

Sebagai pencetus kepada industri ini, IOI Oleochemical Industries Bhd terus meningkatkan kepakaran teknikal dalam pemasaran, pengeluaran, logistik, dan penyelidikan serta pembangunan bagi memberi kepuasan yang terbaik kepada pelanggan dengan pelbagai jenis terbitan oleokimia bermutu tinggi seperti lemak asid, 'soap noodles', ester dan alkohol.

IOI Oleochemical Industries Bhd mewakili lebih 60 negara melalui sistem 'network' yang cepat dan terbaik, ejen dan pengedar yang dedikasi bagi menyediakan perkhidmatan syarikat serta kemudahan penyimpanan produk yang banyak



Bangunan Pentadbiran IOI Oleochemical Industries Bhd, Prai, Pulau Pinang.

(bulk) telah sedia ada di Eropah, Jepun dan Amerika Syarikat bagi memastikan penghantaran bahan-bahan oleokimia dan terbitannya terus dan cepat kepada pelanggan mereka.

Menarik mengenai IOI Oleochemical Industries Berhad adalah:  
• Amat menitikberatkan penambahbaikan proses kilang dengan menggalakkan semua kakitangan terbabit secara langsung dalam program yang dirancang dan disertai dengan pengiktirafan dan hadiah kepada kakitangan yang berjaya.

• Pembangunan sumber manusia amat ditekankan melalui pelaksanaan program seperti pemantapan kepimpinan, pemikiran positif, teknik menyelesaikan masalah, interaksi dan komunikasi dan kemajuan kerjaya secara berterusan.

• Melabur dalam penggunaan teknologi terbaru untuk operasi proses kilang dan meneroka pasaran baru industri hiliran oleokimia.

• Kilang berjaya mencapai status Pensijilan ISO 9001:2008 bermula pada 1995 dan dinaiktaraf pensijilan dengan IQNet ISO 9001:2008 pada 2009. Pensijilan ISO yang lain adalah IQNet ISO 14001:2004 pada 2009, ISO/IEC 17205:2005 pada 2010, ISO 22000 pada 2011, RSPO Supply Chain Certification Systems (SCCS) pada 2012, dan lain-lain lagi.

• Pemenang Pingat Emas dua bintang bagi kategori sektor pembuatan yang dianjurkan oleh Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC) pada 2009, Anugerah Industri Komoditi pada 2007, dan Anugerah Industri Sawit Malaysia (AISM) pada 2006, 2010 dan 2012.

## FELDA IFFCO SDN BHD

### Kategori Kilang Penapis

FELDA IFFCO Sdn Bhd adalah syarikat usaha sama antara FELDA Global Ventures Downstream Sdn Bhd (FELDA) dan IFFCO Holdings Limited (IFFCO).

Perkongsian antara FELDA, syarikat perladangan terbesar di Malaysia dan IFFCO, syarikat dari United Arab Emirates (UAE) yang menerajui pengeluaran dan pemasaran pelbagai produk makanan di Timur Tengah dan Afrika membentuk satu syarikat dengan kepakaran dalam bidang pengeluaran dan pengagihan yang berupaya memenuhi setiap keperluan industri minyak dan lemak global yang sentiasa berkembang.

Penggabungan FELDA dan IFFCO melengkapkan keseluruhan rantaian nilai dari penanaman kelapa sawit, pengilangan, penapisan, pemprosesan, penjenamaan dan pengagihan pelbagai produk minyak dan lemak berasaskan minyak sawit dan minyak isirung sawit ke pasaran global.

FELDA IFFCO bukan saja menghasilkan dan memasarkan pelbagai jenis produk yang memenuhi keperluan harian domestik di seluruh dunia, malah juga menghasilkan produk terbitan dan perantara untuk makanan dan bukan makanan.

Minyak dan lemak khusus keluaran syarikat usaha sama ini diguna dalam pengeluaran pelbagai produk dari bahan makanan dan minuman, ke ais krim dan konfeksionari, produk penjagaan diri, cat, produk kegunaan farmaseutikal dan industri.

Satu perkara yang umum untuk semua produk berkenaan adalah jenama FELDA IFFCO yang melambangkan ketulenan dan kualiti yang dikenali di seluruh dunia.

Kilang penapisan yang terletak di lokasi strategik di Pelabuhan Klang, dilengkapi peralatan pemprosesan untuk penapisan, pemeringkatan, modifikasi, pembungkusan, pengisian untuk memproses minyak sawit dan minyak isirung sawit menjadi produk siap seperti minyak masak, vanaspati, shortening, marjerin dan lemak khusus.

Sejak penggabungan pada tahun



Kilang FELDA IFFCO di Pelabuhan Klang.

2006, FELDA IFFCO membina reputasi teguh dari segi mutu dan keselamatan makanan melalui pelbagai skim pensijilan seperti ISO 9001:2008 (Lloyd's), HACCP (Kementerian Kesihatan, SIRIM), FSSC 22000:2005 (Lloyd's), BRC Version 5 (Lloyd's), RSPO SCCS.

FELDA IFFCO berazam menjadi pembekal pilihan untuk ramuan makanan berasaskan kepada kelestarian. Untuk mencapai visi berkenaan, FELDA IFFCO membangunkan perniagaan yang berjaya dan lestari yang memberikan pulangan yang berganda kepada pemegang saham; memberikan produk dan perkhidmatan yang terbaik menerusi innovasi dan amalan baik; menggalakkan penambahan pengetahuan, prestasi tinggi, budaya kerja beretika, dan mengambil berat planet dan semua stakeholders dalam setiap perbuatan.

Semua aktiviti yang dilaksanakan adalah berpandukan kepada nilai-nilai utama yang ditetapkan iaitu berintegriti, kerja berkumpulan, kewarganegaraan, keusahawanan, telus dan amanah.



Pasukan pengurusan FELDA IFFCO Sdn Bhd.

# Penerima Anugerah Industri Sawit Malaysia 2011/12

● Sumbangan bulan lalu

Oleh Noor Asmawati  
Abdul Samad  
watie@mpob.gov.my

**A**nugerah Industri Sawit Malaysia adalah acara dwitahunan MPOB bagi memberi pengiktirafan kepada penggiat yang memberi sumbangan cemerlang kepada peningkatan prestasi industri sawit sepanjang tahun 2011.

Anugerah Industri Sawit Malaysia 2011/2012 disampaikan oleh Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Tan Sri Bernard Dompok baru-baru ini.

Penerima-penerima Anugerah Industri Sawit Malaysia 2011/12 yang menerima anugerah masing-masing adalah seperti berikut:

## PEMENANG KATEGORI LADANG



Tan Sri Bernard Dompok menyampaikan anugerah kepada Pengurus SOP Plantations, sambil diperhatikan Dr Choo Yuen May (kanan) dan Tan Sri Shahrir Abdul Samad.

### SOP Plantations (Balingian) Sdn Bhd Mukah, Sarawak

Ladang ini memperoleh hasil buah tandan segar (BTS) melebihi 28 tan sehektar setahun pada 2011 dan melak-

sanakan amalan pengurusan pertanian yang baik bagi tanaman sawit di tanah gambut khususnya pengurusan air ladang dan pemeliharaan tumbuhan tutup bumi asli (Nephrolepis).

Ia juga mengamalkan sis-

tem pembajaan seimbang berdasarkan syor ahli agronomi berpandukan keputusan analisa nutrien daun dan menanam tumbuhan berfaedah bagi kawalan perosak secara bersepadu.

### Ladang Siriang Jaya Mukah, Sarawak

Memperoleh hasil BTS melebihi 29 tan sehektar setahun pada 2011, mengamalkan sistem pembajaan seimbang secara menanam tumbuhan berfaedah bagi kawalan perosak secara bersepadu. Kerja penuaian dan pengangkutan hasil BTS dalam blok dilakukan secara mekanisasi. Pengutipan buah relai diberi penekanan yang mana tidak terdapat sebiji pun ditemui di bawah pokok sawit.



Pengurus Ladang Siriang Jaya, Peter Yong Hua Dung.

## PEMENANG KATEGORI TAPAK SEMAIAN



Tan Sri Bernard Dompok menyampaikan anugerah kepada Pengurus Felda Agricultural Services Sdn Bhd, Jerantut, Pahang, Zaharuddin Mohd Said.

### Felda Agricultural Services Sdn Bhd, Jerantut, Pahang

Tapak semaian Felda Agricultural Services Sdn Bhd, Jerantut memenuhi piawaian yang ditetapkan untuk menghasilkan anak benih sawit berkualiti tinggi. Dengan keluasan 17 hektar, tapak semaian ini berupaya menempatkan 200,000 anak benih sawit pada satu-satu masa. Tapak semaian dilengkapi ke-

mudahan infrastruktur yang baik dan berinovasi dalam pengurusan di tapak semaian. Tapak semaian juga mematuhi sepenuhnya peraturan Code of Practice untuk tapak semaian (CoPN).

Tapak semaian ini adalah pembekal anak benih bagi Skim Bantuan Tanam Semula Sawit (TSSPK) dan Skim Tanam Baru Sawit Pekebun Kecil (TSBPK) yang diuruskan oleh MPOB.

## PEMENANG KATEGORI PEKEBUN KECIL

### Lai Siang Ann, Kunak, Sabah

Beliau mula bergiat dalam penanaman sawit pada tahun 1996 dengan keluasan 9.72 hektar. Hasil BTS pada tahun 2011 adalah 37.5 tan sehektar. Selain itu, beliau turut mengusahakan tanaman kayu gaharu, betik, pisang dan sayuran seperti cili, halia dan timun.

Beliau sering menghadiri kursus anjuran MPOB dan mendapatkan khidmat nasihat daripada Pegawai TUNAS kawasan yang berdekatan. Ahli Kelab 30 Tan MPOB dan penerima Sijil Amalan Baik Pertanian (GAP) dan kebun sawitnya adalah Plot Demonstrasi MPOB.

### Azahari Aden, Miri, Sarawak

Mula menanam sawit pada tahun 2001 dengan keluasan 11.39 hektar. Hasil BTS pada tahun 2011 adalah 37 tan sehektar. Beliau adalah penerima Sijil Ahli Kelab 30 Tan, Sijil Amalan Baik Pertanian (GAP) dan kebunnya adalah Plot Demonstrasi dan Transformasi MPOB.

Beliau menerima Anugerah Pekebun Kecil Berpotensi Peringkat Negeri Sarawak pada tahun 2008. Selain aktif dalam program anjuran MPOB beliau juga aktif dalam aktiviti sosial seperti JKK Kampung, Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG) dan aktiviti kariah masjid kawasan Batu Niah, Miri, Sarawak.



Tan Sri Bernard Dompok menyampaikan anugerah kepada Pengurus Greenson Properties Sdn Bhd, Foo Heng Loong.

### Greenson Properties Sdn Bhd Sitawan, Perak

Memperoleh hasil BTS sehektar setahun melebihi 35 tan pada tahun 2011. Ladang ini melaksanakan amalan pertanian yang baik (GAP) dan 'Codes of Practice'. Selain itu, ia turut menyediakan kemudahan asas kepada pekerja.



### Mohd Janis Abu Bakar, Muar, Johor

Beliau mula menceburi aktiviti penanaman sawit pada tahun 1990 dengan keluasan tanaman berjumlah enam hektar. Kebun sawit beliau memperoleh hasil BTS sebanyak 36.05 tan sehektar pada tahun 2011. Beliau bergerak aktif dalam program MPOB seperti kempen buah sawit muda, amalan pertanian baik (GAP) dan dilantik sebagai Pengerusi, Persatuan Peniaga-Peniaga Buah Sawit Daerah Muar dan Timbalan Pengerusi, Persatuan Peniaga-Peniaga Buah sawit negeri Johor.

Beliau juga adalah Penerima Anugerah Industri Sawit Peringkat Wilayah Selatan bagi Kategori Peniaga Buah Sawit Terbaik pada tahun 2004, 2005, dan 2007; Pemenang Anugerah Industri Sawit Malaysia tahun 2009/10 juga bagi kategori peniaga buah dan penerima Anugerah Pekebun Kecil Terbaik Kebangsaan Sektor Komoditi (Sawit) dari Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi (MPIC). Beliau turut mempunyai lesen MPOB bagi kategori tapak semaian dan peniaga buah sawit.



Tan Sri Bernard Dompok dan Pengerusi Lembaga Pemegang Amanah Institut Perladangan dan Komoditi Malaysia (IMPAC), Datuk Dr Choo Yuen May beramah mesra dengan tiga peserta kursus terbaik pada majlis Penganugerahan Sijil IMPAC 2012. [FOTO NUR ADIBAH AHMAD IZAM/BH]

# Dialog CCIC Malaysia bincang isu perdagangan minyak sawit

**Bangi:** Majlis Dialog China Certification and Inspection Group (CCIC) Malaysia dengan Persatuan Penapis Minyak Sawit Malaysia (PORAM) diadakan di Ibu Pejabat MPOB, di sini, baru-baru ini.

Penganjuran majlis dialog itu adalah atas inisiatif MPOB lanjutan daripada kunjungan hormat wakil syarikat CCIC Malaysia ke atas Ketua Pengarah MPOB, Datuk Dr Choo Yuen May. Pada dialog yang diadakan pada 10 Januari lalu itu, antara yang dibincangkan ialah isu berkaitan pelaksanaan penguatkuasaan ketat ke atas Standard Kebangsaan China dan undang-undang import minyak makan ke China.

Ia dipengerusikan Timbalan Ketua Pengarah (R&D) MPOB, Dr Ahmad Kushairi Din dan dihadiri 64 peserta terdiri daripada wakil CCIC Malaysia dari China, ahli-ahli PORAM dan pegawai MPOB.

Pada sesi dialog yang diadakan, peserta mengambil kesempatan bertukar pandangan berkaitan perdagangan minyak sawit di China selain mendapatkan maklumat berkaitan PORAM, MPOB dan industri minyak sawit.

Pelaksanaan penguatkuasaan ketat negara China ke atas minyak sawit tidak akan membawa impak negatif yang besar terhadap aktiviti perdagangan minyak sawit Malaysia ke China.

Bersandarkan data industri, eksport minyak sawit Malaysia masih kekal melebihi tahap 150,000 tan sejak awal tahun ini sehingga 20 Januari lalu. Ini membuktikan bahawa khabar angin yang mengatakan tiada pengeksporan minyak sawit ke China adalah tidak benar.

**“Penguatkuasaan ketat China ke atas minyak sawit dijangka tidak akan membawa impak negatif terhadap perdagangan minyak sawit”**

**Pengawasan Pegawai China**  
Pada sesi dialog itu juga, wakil CCIC Malaysia memaklumkan bahawa di bawah syarat tertentu, bagi tujuan penghantaran minyak sawit, hanya sedikit di luar spesifikasi dan pihak pengeksporn dibenarkan mengemukakan rayuan kepada pihak penguat kuasa China untuk memulihkan kualiti minyak berkenaan di bawah pengawasan Pegawai China.

Bagaimanapun, peluang rayuan pemulihan minyak di luar spesifikasi ini hanya diberikan kepada pengimport sebanyak tiga kali saja dalam setahun.

Secara keseluruhannya, Majlis Dialog bersama CCIC Malaysia dan PORAM ini berjaya mencapai objektifnya bagi membincangkan cara penyelesaian isu berbangkit berkaitan pengeksporan minyak sawit ke China.

Di samping itu, ia turut menjalin hubungan antara industri minyak sawit, CCIC Malaysia dan juga MPOB.

Adalah diharapkan kerjasama erat antara MPOB, PORAM dan CCIC Malaysia dapat menggalakkan perdagangan dua hala Malaysia-China di dalam sektor perindustrian minyak sawit.

# Firdaus dinobatkan pelajar terbaik kursus IMPAC

**» Penat lelah berulang alik dari Sabah ke Semenanjung berbaloi**

Oleh Haryani Ngah  
aryani@bharian.com.my

**P**ENAT lelah dilalui Mohd Firdaus Ismail yang terpaksa berulang alik dari Sabah ke Semenanjung lebih enam kali sepanjang tiga semester pengajian berbaloi apabila muncul pelajar terbaik Diploma in Palm Oil Milling (DIPOM) anjuran Institut Perladangan dan Komoditi Malaysia (IMPAC) pada majlis penganugerahan itu yang berlangsung baru baru ini.

Mohd Firdaus yang kini bertugas sebagai Penolong Pengerus Jurutera Kilang di Kilang Kelapa Sawit Flemington, Teluk Intan, Perak, berkata ketika mengikuti pengajian peringkat diploma itu, dia bertugas di Kilang Kelapa Sawit Giram di Sabah iaitu sebuah anak syarikat milik Sime Darby Plantation.

Pemegang Ijazah Kejuruteraan Pemprosesan Makanan dari Universiti Putra Malaysia (UPM) itu berkata, walaupun terpaksa berulang alik dari Sabah ke Semenanjung, ia bukan halangan buatnya meneruskan pengajian dalam bidang itu.

Peluang untuk menyambung pelajaran diberikan majlisnya berdasarkan pengalaman kerjanya yang melebihi

dua tahun. “Peluang menyambung pelajaran yang diberikan majlis untuk tempoh tiga semester ini sangat bermakna dan saya akan memanfaatkan sebaik mungkin ilmu dipelajari ini untuk kemajuan dalam bidang kerjaya yang saya ceburi.

**Kekangan masa**  
“Mengikuti pengajian di bawah IMPAC memberi kelebihan kerana saya berpeluang mendapatkan pendedahan dan pengalaman dari tenaga pengajar yang mempunyai pengalaman dalam industri dan daripada tenaga pengajar yang datang dari syarikat berbeza.

“Saya tidak berasa sukar mengikuti pengajian dalam bidang ini kerana apa yang saya pelajari adalah apa yang saya laksanakan dalam tugas harian saya tetapi saya akui kekangan masa adalah cabaran terbesar buat saya,” katanya yang sentiasa bersedia bertugas di mana-mana kilang milik Sime Darby.

Bagi peserta kursus Penyelidikan Kilang Minyak Sawit, Zaini Baharum, yang mempunyai pengalaman bekerja dalam bidang sawit selama 17 tahun, berasa ilmu yang diperolehi dalam tempoh lima hari berkursus sangat berguna untuk kerjayanya sebagai penyelia.

“Sebagai penyelia kilang, saya bertanggungjawab menguruskan pekerja di bawah saya serta pengendalian mesin.

“Sebelum ini saya sekadar menjalankan kerja tanpa sebarang garis panduan tetapi dengan menyertai kursus ini kami diberi pendedahan mengenai undang undang berkaitan sumber manusia daripada



Dari kiri Esham, Mohd Firdaus dan Zaini bersama sijil anugerah tertinggi pada Majlis Penganugerahan Sijil IMPAC 2012. [FOTO NUR ADIBAH AHMAD IZAM/BH]

Jabatan Sumber Manusia. “Pendedahan ini sangat saya perlukan dalam tugas dan dengan ilmu yang saya peroleh ini ia menjadikan skop tugas saya lebih jelas dan terurus.

**Buat tiga projek**  
“Apa yang saya peroleh ini saya akan aplikasi dalam tugas saya,” kata penyelia di kilang kelapa sawit Sandora, Kluang, Johor itu.

Turut melahirkan rasa gembira diberi peluang mengikuti kursus di bawah IMPAC adalah Esham Abdul Manap yang bertugas sebagai pembantu makmal di Tradewinds Plantation Berhad.

“Selama 10 hari menjalani kursus di sini saya berpeluang mengikuti latihan, amali serta melakukan tiga projek. Apa yang pelajari sepanjang kursus ini sememangnya berkaitan dengan skop kerjaya. “Sesuatu yang menarik me-

ngenai kursus ini adalah jika dulu tugas saya hanya di makmal saja tanpa maklumat tambahan tetapi di sini saya berpeluang mempelajari banyak perkara berkaitan sawit dan tidak hanya tertumpu kepada makmal semata-mata.

“Ini menjadikan minda saya lebih terbuka dan saya lebih faham banyak perkara berkaitan sawit,” katanya.

IMPAC yang ditubuhkan pada 4 November 2010 bertujuan menggabung dan menyelaraskan semua kursus dan latihan yang dilaksanakan semua agensi di bawah Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi (MPIC).

Agensi yang terbabit adalah Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB), Lembaga Getah Malaysia (LGM), Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia (MTIB), Lembaga Koko Malaysia (LKM), Lembaga Lada Malaysia (MPB) dan Lembaga Kenaf dan Tembakau Malaysia (LKTN).





# POINTERS bincang isu minyak dunia

» Ketidaktentuan ekonomi pengaruhi industri minyak dan lemak dunia

2013 adalah tahun yang mencabar kepada industri minyak sayuran dan lemak dunia berikutan keadaan ekonomi global yang masih tidak stabil dan iklim yang tidak menentu.

Dua faktor ini berperanan besar dalam mempengaruhi bekalan dan permintaan minyak sayuran dan lemak terutama minyak sawit di pasaran dunia.

Dengan stok minyak sawit yang berada pada paras tertinggi dan hasil pengeluarannya yang diramalkan lebih rendah disamping ketidaktentuan di dalam pengeluaran hasil kacang soya dalam tahun ini, pergerakan harga minyak sayuran dan lemak dunia termasuk harga minyak sawit akan menjadi tumpuan utama pemain di dalam industri ini.

Perkara ini akan dibincangkan dengan lebih terperinci lagi di Seminar Internet Minyak Sawit (POINTERS) yang dianjurkan Majlis Minyak Sawit Malaysia pada 18 hingga 25 Februari 2013.

POINTERS yang mula diperkenalkan pada 2010 berjaya menarik banyak penyertaan pemain industri minyak sayuran dan lemak dunia.

Sehingga kini, lebih 1,300 peserta tempatan dan luar negara terutama dari negara pengimport utama minyak sawit Malaysia seperti India, Pakistan dan Kesatuan Eropah mengikuti seminar ini.

Dengan perkembangan terkini teknologi dunia tanpa sempadan pada hari ini, peserta boleh mengikuti seminar alam maya ini dengan lebih mudah dan pantas pada bila-bila masa dari setiap pelok dunia.

Melalui seminar ini, peserta boleh mendapatkan maklumat terkini mengenai perkembangan semasa harga dan pasaran minyak dan lemak dunia terutama minyak sawit dengan lebih mudah.

POINTERS yang memasuki edisi keenam tahun ini akan membariskan pakar dalam pergerakan harga hadapan komoditi dan pemain utama industri untuk berkongsi pandangan mereka dalam perkembangan pasaran minyak sayuran dan lemak dunia.

Sepanjang seminar berlangsung, peserta yang berdaftar akan diberi peluang berinteraksi dengan pakar ini serta peserta lain.

Jika terdapat sebarang soalan yang ingin dikemukakan, pengarang berkaitan akan dimaklumkan dengan serta merta untuk memberi maklum balas.

Untuk makluman, semua kertas pembentangan dalam seminar ini sedia untuk dimuat turun pada 18 hingga 25 Februari 2013 di laman sesawang: <http://www.pointers.org.my>.

Tajuk-tajuk yang akan dibentangkan kali ini adalah seperti berikut:

#### ● Global Oils and Fats Outlook: 1st Half of 2013

- Tan Sri Datuk Dr Yusof Basiron (Chief Executive Officer, Malaysian Palm Oil Council)

#### ● Global Crops Outputs and Where Vegetable Oils Prices Will Head in the Next 3 Months

- Abah Ofon (Research Analyst, Standard Chartered Bank)

#### ● Will Palm Oil Continuously Be Undervalued Against Soybean Oil in 2013?

- Erin Fitzpatrick (Commodity Analyst, Rabobank)

#### ● Palm Oil Price Analysis and Outlook for 2013

- Benny Lee (Chief Market Strategist, Jupiter Securities Sdn Bhd)

#### ● Impact of Palm Oil Supply and Demand on Palm Oil Price Behaviour

- Ayat K. Ab Rahman (Senior Research Officer, Techno Economics Research Unit, Malaysian Palm Oil Board)

#### ● Edible Oils & Oilseeds, Globalised Commodities Coverage

- Ali Muhammad Lakdawala (ITC Foods Ltd, India)

#### ● 2013 Market Directions – Planters Perspectives

- Mohamad Helmy Othman Basha (Head, Upstream Malaysia, Sime Darby Plantations)

#### ● Palm Kernel Cake: Increased Global Feed Opportunities Assisted By Its Inherent Properties

- Lim Teck Chai/ Fatimah Zaharah (Market Analyst, Malaysian Palm Oil Council).

Seminar ini amat berguna kepada peserta kerana ia memberi banyak maklumat penting mengenai perkembangan terkini industri minyak sayuran dan lemak dunia.

Majlis Minyak Sawit Malaysia mengalu-alukan penyertaan aktif anda di dalam seminar ini. Oleh itu, segera mendaftar secara PERCUMA di <http://www.pointers.org.my>.

2<sup>nd</sup> Announcement

Organised By:



## POINTERS

### Palm Oil Internet Seminar

Mapping the Palm Oil Price – 2013 Market Perspectives

Login at [www.pointers.org.my](http://www.pointers.org.my)

Papers will be available from 18 - 25 February 2013

Spend that week to interact with the speakers

Papers to be discussed at the upcoming POINTERS

#### Global Oils and Fats Outlook: 1<sup>st</sup> Half of 2013

Tan Sri Datuk Dr. Yusof Basiron  
(Chief Executive Officer, Malaysian Palm Oil Council)

#### Global Crops Outputs and Where Vegetable Oils Prices Will Head in the Next 3 Months

Abah Ofon (Research Analyst, Standard Chartered Bank)

#### Will Palm Oil Continuously Be Undervalued Against Soybean Oil in 2013?

Erin Fitzpatrick (Commodity Analyst, Rabobank)

#### Palm Oil Price Analysis and Outlook for 2013

Benny Lee (Chief Market Strategist, Jupiter Securities Sdn Bhd)

#### Impact of Palm Oil Supply and Demand on Palm Oil Price Behaviour

Ayat K. Ab Rahman (Senior Research Officer, Techno Economics Research Unit, Malaysian Palm Oil Board)

#### Edible Oils & Oilseeds, Globalised Commodities Coverage

Ali Muhammad Lakdawala (ITC Foods Ltd, India)

#### 2013 Market Directions – Planters Perspectives

Mohamad Helmy Othman Basha (Head, Upstream Malaysia, Sime Darby Plantations)

#### Palm Kernel Cake: Increased Global Feed Opportunities Assisted By Its Inherent Properties

Fatimah Zaharah (Market Analyst, Malaysian Palm Oil Council)

Free Registration

# Produk sawit Malaysia penuh piawaian antarabangsa

**PEMENANG PERTAMA**  
**MOHD ASYRAF ABD SAMAD**  
**(NO. K/P: 970923-02-5179)**  
**SMK SERI SEPANG, SEPANG,**  
**SELANGOR**

sanakan Kod Amalan MPOB. Di peringkat pekebun kecil program Kelompok Minyak Sawit Mampan (SPOC) dilaksanakan untuk memastikan mereka mengeluarkan hasil sawit secara mampan. Selain itu terdapat pensijilan bagi penanam sawit iaitu GAP, CoP, CoPN dan RSPo.

Di peringkat kilang pula, diperlukan kemudahan bagi memerangkap biogas yang terhasil daripada bahan buangan kilang sawit (POME). Ia boleh digunakan sebagai bahan bakar bagi menjana tenaga elektrik. Secara tidak langsung kilang sawit dapat mengurangkan kesan pengeluaran gas rumah hijau (GHG).

### Penuhi kehendak pengguna

Kod amalan ini sememangnya memenuhi piawaian antarabangsa. Ia meliputi aspek keselamatan, kualiti, kebersihan, kesan alam sekitar dan mengurangkan GHG. Kod ini sebagai usaha meyakinkan, memenuhi kehendak pengguna dan perundangan disamping memastikan piawaian minyak sawit di pasaran dunia tepat. Dari masa ke semasa penilaian dan penambahbaikan dilakukan bagi meningkatkan produktiviti dan kualiti setiap rantai.

Negara tidak hanya bergantung kepada aktiviti asas seperti penapisan dan pengilangan minyak sawit. Kita telah mengorak langkah kepada pengeluaran produk oleokimia, fitonutrien, farmaseutikal, pencuci, barangan kosmetik, biodiesel dan penggunaan biomas. Adunan minyak sawit dengan cairan lain berjaya menghasilkan produk lemak, vanaspati, marjerin, analog keju, saupan coklat dan ais krim.

Malaysia juga telah mengkomersialkan minyak masak tahan sejuk,

keju berasaskan sawit, santan, karoten, minyak merah carotino, fitonutrien seperti asid shikimik dan fonolik serta penggunaan Vitamin E (tocotrienol) di hospital dan pusat penyelidikan tempatan dan antarabangsa. Kejayaan-kejayaan ini adalah hasil kualiti yang sentiasa dijaga dan ditingkatkan di semua peringkat rantaian penghasilan minyak sawit berdasarkan Kod Amalan MPOB.

Pengguna sedia maklum minyak sawit adalah minyak sayuran yang penuh khasiat tanpa asid lemak trans yang merupakan ancaman terhadap kesihatan yang sudah dikenalpasti. Ia tidak diubahsuai secara genetik, mengandungi asid lemak penting dan kaya dengan asid oleik. Ia adalah sumber fitonutrien yang baik. Juga terdapat tokotrienol yang mempunyai kestabilan pengoksidaan dan sifat-sifat fungsional yang baik.

Biodiesel sawit pula menjadi sumber tenaga mesra alam dan boleh diperbaharui. Ia mengurangkan pelepasan GHG dan pencemaran alam. Adunan 5% biodiesel dengan 95% diesel petroleum (B5) adalah mengikut piawaian Malaysian Biodiesel Standard on Automotive Fuels Palm Methyl Esters (PME) for diesel Engines Requirements and Test Methods (MS2008:2008). Ia mengikut piawaian biodiesel Kesatuan Eropah (EN14214) dan Amerika (ASTM D6751).

Penggunaan tanah bagi penanaman sawit adalah tertakluk kepada undang-undang tanah negara. Ladang-ladang tidak dibuka sesuka hati dengan menebang hutan-hutan tanpa perancangan. Ladang-ladang sawit mempunyai lesen yang dikeluarkan oleh MPOB. Di sinilah MPOB memandu usaha, pekebun dan pengilang melalui Kod Amalan Baik Industri Sawit ke arah penghasilan produk sawit mampan yang memenuhi piawaian antarabangsa. Seterusnya membawa kepada pengeluaran sawit berkualiti dan selamat untuk pemakanan.



## KUIZ SAWIT siri 26

### Syarat penyertaan

- Penyertaan dibuka kepada pelajar Sekolah Rendah Tahun 1 - 6
- Penyertaan hendaklah disertakan dengan borang dan ditandatangani oleh guru sekolah;
- 10 pemenang yang menjawab dengan betul akan dipilih sebagai pemenang;
- Sekiranya terdapat lebih 10 pemenang, Cabutan Bertuah akan dibuat oleh panel kuiz.
- Keputusan pengadil adalah muktamad
- Jawapan hendaklah sampai selewat-lewatnya pada **21 Februari 2013**
- Hantarkan jawapan berserta nama penuh, no. telefon, alamat rumah dan alamat sekolah yang lengkap kepada :

### Ketua Pengarang Berita Sawit

Kuiz Sawit (Siri 26)  
 Ibu Pejabat MPOB  
 6, Persiaran Institusi,  
 Bandar Baru Bangi,  
 43000 Kajang, Selangor  
 (UP: Noor Asmawati Abdul Samad)

### Soalan Kuiz Sawit Siri 26

1. Maklumat mengenai industri sawit dan MPOB boleh diperolehi melalui laman sesawang?  
 www.mpob.com.my    www.mpob.gov.my    www.mpob.org.my
2. Biojisim sawit sesuai untuk menghasilkan perabot dan bahan bakar alternatif...  
 Betul    Salah
3. Vitamin E dalam minyak sawit dipercayai dapat melambatkan proses penuaan...  
 Betul    Salah
4. Pokok sawit mulai mengeluarkan hasil seawal usia dua tahun hingga jangka hayat produktif iaitu...  
 10 tahun    15 tahun    25 tahun
5. MPOB mempunyai rangkaian pejabat serantau di negara berikut:  
 Indonesia    Sepanyol    Amerika Syarikat
6. Berikut adalah komoditi yang dipantau di bawah Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi kecuali...  
 Sawit    Getah    Petroleum
7. Singkatan bagi Persidangan dan Pameran Industri Perladangan Antarabangsa 2012...  
 PPIPA    IPICEX    PDPIPA
8. Kaedah berikut yang tidak digunakan bagi pembiakan pokok sawit  
 Klon    Kultur tisu    Tut
9. Kulat yang menyebabkan penyakit reput pangkal batang pada pokok sawit dikenali sebagai...  
 Lingzhi    Cendawan Tiram    Ganoderma
10. Negara manakah yang menjadi pengimport utama minyak sawit Malaysia?  
 China    Indonesia    Australia

# Peraduan Mengarang Esei Berita Sawit Februari 2013

**Peraduan** ini terbuka kepada pelajar sekolah menengah di seluruh negara. Karangan adalah mengenai industri sawit negara dan antarabangsa dan ditulis tangan berpandukan tajuk yang diberikan di bawah:

Tajuk: **"Minyak sawit Malaysia diterima dunia. Bincangkan"**.

Peraduan Mengarang Esei Berita Sawit terbuka kepada semua pelajar sekolah menengah Tingkatan 1 hingga 5.

Tiga pemenang utama setiap bulan akan menerima;

- Hadiah Pertama : RM250
- Hadiah Kedua : RM200
- Hadiah Ketiga : RM150

Esei yang berjaya mendapat tempat pertama akan disiarkan dalam

Bandar Baru Bangi,  
 43000 Kajang, Selangor  
 u/p: Noor Asmawati Abdul Samad  
 (Unit Perhubungan Awam)

Keputusan Peraduan Mengarang Esei Berita Sawit Januari 2013

### Pemenang:

Hadiah Pertama  
 Mohd Asyraf Abd Samad  
 (No. K/P: 970923-02-5179)  
 SMK Seri Sepang,  
 Sepang, Selangor

Hadiah Kedua  
 Muhamad Amirul Syafiq Mohamad Saat  
 (No. K/P: 001221-01-0259)  
 SMK Sultan Abdul Samad,  
 Petaling Jaya, Selangor

Hadiah Ketiga  
 Nur Shazwani Mohamad Saat  
 (No. K/P: 980420-01-5310)  
 SMK (P) Taman Petaling,  
 Petaling Jaya, Selangor

Berita Sawit keluaran bulan Mac 2013 akan datang.

### Syarat Penyertaan:

1. Terbuka kepada pelajar sekolah menengah tingkatan 1 hingga 5
2. Panjang esei di antara 450 - 600 patah perkataan
3. Sila nyatakan nama penuh, alamat sekolah, alamat rumah, nombor kad pengenalan, nombor telefon dan sertakan sekeping gambar berukuran pasport (sekiranya ada)
4. Keputusan juri muktamad
5. Tarikh tutup penyertaan ialah pada 21 Februari 2013
6. Hantar penyertaan ke alamat: Peraduan Mengarang Esei Berita Sawit  
 Ibu Pejabat MPOB  
 6, Persiaran Institusi,

### Borang Penyertaan Siri 26

Nama : \_\_\_\_\_  
 Tahap : \_\_\_\_\_  
 Alamat Sekolah : \_\_\_\_\_  
 \_\_\_\_\_  
 Alamat Rumah : \_\_\_\_\_  
 \_\_\_\_\_  
 No. Tel: \_\_\_\_\_

### Nama pemenang Siri 25

- 1. Nur Alish Abdullah  
 Sek. Keb. Sg. Korok Lama, Alor Setar, Kedah
- 2. Liza Hasib  
 Sek. Keb. Matang Buluh, Bagan Serai, Perak
- 3. Syaiza Syahindah Ahmad Saffri  
 Sek. Keb. Sungai Kantan, Kajang, Selangor
- 4. Erni Fazlina Abd Hadi  
 Sek. Keb. Jalan Baharu, Batu 6, Parit Buntar, Perak
- 5. Awatif Saleha Md Salehuddin  
 Sek. Keb. Felda Tenggaroh 3, Mersing, Johor
- 6. Muhamad Kamil Mohd Khori  
 Sek. Keb. Balok, Kuantan, Pahang
- 7. Muhammad Amirul Aiman Mustafa  
 Sek. Keb. Bukit Diman, Aji, Hulu Terengganu, Terengganu
- 8. Nurul Aisya Qashrina Mohamad  
 Sek. Keb. Beladalu Kalam, Manir, Kuala Terengganu, Terengganu
- 9. Faezah Rohaidi  
 Sek. Keb. Taman Seremban Jaya, Seremban, Negeri Sembilan
- 10. Nur Athirah bt Alias  
 Sek. Keb. Convent, Teluk Intan, Perak



Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Tan Sri Bernard Dompok (kiri) bersama Pengerusi MPOB, Tan Sri Shahrir (kanan), Datuk Patinggi Tan Sri Alfred Jabu, Datin Paduka Nurmala Abd Rahim dan Datuk Dr Choo Yuen May **melawat pameran** sempena Palm Oil Economic Review and Outlook Seminar 2013.



Datuk Dr Choo Yuen May **menyerahkan cenderahati** kepada Pengerusi Besar CCIC Malaysia, Wang Fu Yuan, sempena kunjungan hormat ke atas Ketua Pengarah MPOB.



Tan Sri Bernard Dompok bersama Pengerusi MPOB, Tan Sri Shahrir Abdul Samad (kanan) dan Ketua Setiausaha Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Datin Paduka Nurmala Abd Rahim **memberi penerangan** pada sidang media sempena bengkel 'Penjenamaan Minyak Sawit Malaysia'.

Timbalan Ketua Pengarah (R&D) MPOB, Dr. Ahmad Kushairi Din ketika **mempengerusikan sesi Dialog CCIC Malaysia dan PORAM**. Turut kelihatan Ahli Lembaga Institut Penyelidikan Sawit dan Khidmat Teknikal MPOB (PORTSIM) China, Datuk Er Kok Leong.



Pengerusi MPOB, Tan Sri Shahrir Abdul Samad (duduk enam dari kiri) dan Ketua Pengarah MPOB, Datuk Dr Choo Yuen May (duduk tujuh dari kiri) bergambar bersama pegawai-pegawai kanan MPOB **sempena Retreat Pengurusan MPOB**.